

21/10/1997

Pemimpin belia harus lebih peka

Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Isnin - Pemimpin pertubuhan belia disarankan bersikap lebih patriotik serta peka terhadap perkembangan semasa masyarakat dan negara dalam membawa pertubuhan yang dipimpinnya memasuki abad baru.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Datuk Lajim Ukin, berkata sikap itu perlu diterap daripada sekarang agar barisan pemimpin serta generasi belia hari ini dan akan datang mempunyai semangat kecintaan terhadap masyarakat dan negara yang tinggi.

Menurutnya, langkah itu juga bermakna pemimpin belia perlu menyemat sikap patriotis dalam agenda perjuangan mereka untuk membolehkan setiap idea yang dikeluarkan lebih menjurus kepada matlamat membangunkan bangsa dan negara.

"Kita perlukan kepemimpinan yang mampu mengubah sejarah bangsa dan tanah air sebagaimana dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang.

"Dr Mahathir berjaya menunjukkan contoh pemimpin besar yang mampu menjulang nama negara dan mencipta banyak perubahan bukan sahaja untuk bangsa dan negaranya, malah untuk manusia sejagat," katanya berucap di Majlis Makan Malam Persatuan Belia Kebangsaan Sabah (Sanya) Sempena Ulangtahunnya Ke-30.

Lajim sehubungan itu meminta kepemimpinan belia hari ini mencari kekuatan dan kebolehan diri sendiri bagi mencipta sejarah untuk bangsa dan negara.

Menurutnya, golongan belia boleh membantu mengubah kedudukan dan cara hidup masyarakat hari ini daripada belenggu kejahilan serta kedaifan kepada masyarakat berilmu serta daripada masyarakat tani tradisi kepada masyarakat berinformasi.

Beliau berkata perubahan pantas yang berlaku di seluruh dunia sekarang memerlukan rakyat melakukan perubahan daripada kongkongan fikiran tertutup kepada paradigma baru yang lebih terbuka.

"Kita tidak boleh lagi menjadi masyarakat "yes man" dan "yes sir", sebaliknya perlu berubah kepada masyarakat berwawasan yang mempunyai keseimbangan dalam aspek pemikiran, rohani serta fizikal.

"Keseimbangan ketiga-tiga aspek ini perlu ada dalam diri setiap masyarakat khususnya pemimpin belia, kerana sejarah menunjukkan faktor itu yang membawa beberapa empayar di Timur Tengah berada pada tahap kecemerlangan dan keagungan," katanya.

Selain itu, Lajim berharap kerajaan negeri dapat memberi perhatian serius dan lebih peka terhadap tuntutan dan kegiatan yang dilaksanakan pertubuhan belia khususnya daripada segi kewangan.

Menurutnya, adalah penting bagi pertubuhan belia mempunyai sumber kewangannya sendiri supaya tidak perlu lagi meminta bantuan serta peruntukan daripada kerajaan.

"Sebagai perbandingan, pertubuhan belia di Sarawak (Saberkas) mendapat anugerah tanah bagi membina bangunan sendiri daripada kerajaan Sarawak," katanya.

Katanya, walaupun Sanya memperolehi peruntukan sebanyak RM150,000 setahun melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, ia nyata tidak memadai.

(END)